



HELAIAN PENDEDAHAN PRODUK

Sila baca Helaian Pendedahan Produk sebelum Anda memutuskan untuk menyertai AIA i-Med Basic. Sila pastikan juga Anda membaca semua terma-terma dan syarat-syarat am.

1. Produk apakah ini?

AIA i-Med Basic adalah pelan Takaful yang menyediakan perlindungan untuk perbelanjaan kemasukan ke hospital dan pembedahan. Pelan ini adalah pelan perlindungan perubatan dan kesihatan yang semata-mata dan tidak mempunyai unsur simpanan atau pelaburan.

2. Apakah konsep Syariah yang digunapakai?

Wakalah - kontrak di antara Peserta dan AIA PUBLIC Takaful Bhd. (AIA PUBLIC sebagai Pengendali Takaful), di mana Peserta memberi kuasa kepada AIA PUBLIC untuk menjalankan urusan perniagaan Takaful bagi pihak Peserta. AIA PUBLIC akan mengambil sebahagian daripada Caruman Peserta sebagai Yuran *Wakalah* untuk perkhidmatan ini.

Tabarru' - baki Caruman selepas ditolak dengan Yuran *Wakalah*, yang akan diperuntukkan ke dalam Dana Risiko Peserta (DRP) sebagai derma untuk tujuan saling membantu antara Peserta-peserta lain yang memerlukannya.

Ju'alah - AIA PUBLIC berhak memperolehi 50% daripada Lebihan dari Dana Risiko Peserta (DRP) sebagai yuran prestasi kerana mengendalikan dana tersebut dengan efisien dan menyebabkan lebihan. Baki Lebihan akan diagihkan kepada Peserta-peserta yang layak.

Al-Qard Al-Hasan - adalah pinjaman tanpa faedah yang diberikan oleh AIA PUBLIC kepada DRP sekiranya ia menjadi defisit bagi membolehkannya membayar faedah-faedah Takaful kepada Peserta yang layak. Jumlah ini akan dibayar-balik dari Lebihan pada masa hadapan sebelum ia diedarkan.

3. Apakah perlindungan/faedah yang disediakan?

Pelan ini melindungi:

Jadual Faedah		Pelan
1	Bilik dan Penginapan Hospital (sehingga 120 hari setahun)	RM100
2	Unit Rawatan Rapi (ICU) (sehingga 120 hari setahun)	Seperti caj yang dikenakan, tertakluk kepada Had Tahunan dan Had Seumur Hidup
3	Yuran Dalam Hospital Yang Berkaitan <ul style="list-style-type: none"> • Bekalan dan Perkhidmatan Hospital • Bayaran Pembedahan • Yuran Bilik Pembedahan • Yuran Pakar Bius • Lawatan Doktor Dalam Hospital (2 lawatan setiap pakar perubatan untuk sehari) 	
Semua tuntutan tertakluk kepada Deduktibel sebanyak RM300 untuk Setiap Hilang Upaya.		
Had Tahunan		RM20,000
Had Seumur Hidup		RM80,000

Notes:

1. Pelan ini tidak melindungi rawatan pra-penghospitan, rawatan selepas penghospitan dan rawatan pesakit luar.
2. Deduktibel adalah jumlah tetap yang anda perlu bayar untuk perbelanjaan perubatan yang ditanggung sebagai perkongsian kos. Anda perlu membayar RM300 yang pertama daripada perbelanjaan yang layak untuk setiap hilang upaya dan kami akan membayar baki untuk perbelanjaan yang layak.
3. "Setiap Hilang Upaya" bermaksud jika dua atau lebih Pengasingan disebabkan oleh hilang upaya yang sama atau yang berkaitan, atau disebabkan oleh sebarang komplikasi yang timbul daripadanya, maka

pengasingan tersebut akan dianggap sebagai satu pengasingan jika setiap daripadanya tidak dipisahkan lebih daripada sembilan puluh (90) hari dari tarikh dikeluarkan dari hospital.

Tempoh perlindungan: Sehingga umur 70 tahun

Peringatan: Sila rujuk Sijil Takaful yang mempunyai maklumat mengenai faedah-faedah produk..

4. Berapakah Caruman yang harus saya bayar?

Jumlah Caruman yang Anda perlu bayar: RM <X,XXX.XX><Payment Frequency>
Kelas Pekerjaan: Kelas <X>

Sila ambil perhatian bahawa kadar caruman akan meningkat bergantung kepada umur yang dicapai apabila caruman perlu dibayar. Sila rujuk kepada "Lampiran - Jadual Caruman untuk AIA i-Med Basic" di akhir dokumen ini untuk maklumat lanjut.

Anda harus memastikan bahawa caruman yang perlu dibayar di bawah sijil adalah mengikut kemampuan anda. Kadar caruman adalah tidak dijamin dan mungkin meningkat pada masa hadapan. Kami berhak untuk menyemak semula kadar caruman dengan memberikan Anda 30 hari notis bertulis sebelum Ulang Tahun Sijil yang akan datang.

5. Apakah yuran-yuran dan caj-caj yang saya kena bayar?

- (a) Yuran *Wakalah* akan ditolak dahulu sebagai peratusan daripada Caruman untuk membayar perbelanjaan pengurusan AIA PUBLIC. Perbelanjaan tersebut termasuk duti setem sebanyak RM10.
- (b) Selepas yuran *Wakalah* ditolak, baki Caruman yang dibayar akan diperuntukkan ke dalam Dana Risiko Peserta (DRP) sebagai *Tabarru'* yang bertujuan untuk memberi perlindungan dan membayar tuntutan untuk peristiwa/risiko yang dilindungi di bawah Sijil Takaful. *Tabarru'* akan meningkat seiring dengan peningkatan usia Anda.

Jadual di bawah menunjukkan peruntukan Caruman:

Tahun Sijil	Peratusan (%) daripada Caruman	
	Yuran <i>Wakalah</i>	Peruntukan Caruman ke dalam DRP (<i>Tabarru'</i>)
1 sehingga Tempoh Matang	17.5%	82.5%

- (c) Perbelanjaan yang berkait secara langsung untuk tuntutan (contoh: kos penyiasatan) dan perbelanjaan berkaitan pelaburan (seperti yuran pengurusan dana, yuran kustodian dan penyimpanan) yang ditanggung di peringkat dana, jika ada, akan dikenakan di bawah DRP.

Nota:

Senarai ini tidak lengkap. Sila rujuk kepada Sijil Takaful untuk penerangan lanjut mengenai yuran dan caj-caj di bawah pelan ini.

6. Apakah terma-terma dan syarat-syarat utama yang perlu saya ketahui?

- (a) **Kepentingan pendedahan** - Anda mesti mendedahkan semua fakta-fakta penting seperti keadaan kesihatan dan menyatakan umur Anda dengan betul.
- (b) **Tempoh percubaan** - Anda berhak untuk memeriksa dan membatalkan Sijil Takaful ini memberi notis bertulis kepada AIA PUBLIC yang ditandatangani oleh Anda dalam masa 15 hari selepas Anda menerima Sijil Takaful tersebut. Caruman yang Anda telah bayar akan dibayar balik kepada Anda.
- (c) **Serahan** - Apabila Sijil Takaful diserahkan, Caruman yang belum digunakan dari DRP dan Yuran *Wakalah* yang belum diperolehi dari dana Pengendali Takaful (jika ada) akan dibayar kepada Peserta.
- (d) **Prosedur Tuntutan** - Borang tuntutan boleh diperolehi dari mana-mana Pusat Pelanggan AIA atau dengan menghubungi Customer Contact Kami di 1-300-88-8922. Bukti tuntutan mesti diterima dan diluluskan oleh AIA PUBLIC untuk memudahkan pembayaran sebarang faedah.
- (e) **Tempoh Menunggu** - kelayakan untuk faedah di bawah Sijil ini hanya akan bermula selepas tempoh tertentu dari tarikh berkuat kuasa Sijil:

Keterangan	Tempoh Menunggu
Kanser, Serangan Jantung, Pembedahan Pintasan Ateri Koronari, Penyakit Arteri Koronari Serius dan Angioplasti dan Rawatan Invasif Lain untuk Penyakit Arteri Koronari ("Penyakit Tertentu")	120 hari
Penyakit Kritikal Lain	30 hari
Kecederaan Akibat Kemalangan	Tiada

Nota:

- (i) Ia adalah tidak menguntungkan untuk menukar dari satu pelan Takaful ke pelan yang lain, kerana Anda mungkin akan tertakluk kepada keperluan pengunderaitan yang baru dan sebarang tempoh yang berkenaan untuk pengecualian keadaan sedia ada di dalam Sijil Takaful baru.
- (ii) Terma-terma dan syarat-syarat yang dinyatakan di dalam Helaian Pendedahan Produk adalah tidak lengkap. Sila rujuk kepada Sijil Takaful untuk butiran lanjut mengenai terma-terma dan syarat-syarat. Kandungan di dalam Sijil Takaful akan terpakai sekiranya terdapat sebarang percanggahan di antara Helaian Pendedahan Produk dan Sijil Takaful.

7. Apakah pengecualian-pengecualian utama di bawah Sijil ini?

Sebarang tuntutan yang timbul daripada peristiwa berikut adalah tidak dilindungi di bawah Sijil ini:

- (a) Penyakit sedia ada sebelum Tarikh Penyertaan atau Tarikh Mula, yang mana kemudian; atau
- (b) Rawatan atau pembedahan untuk Penyakit Tertentu untuk tempoh 120 hari sebaik sahaja sebelum rawatan dan pembedahan tersebut; atau
- (c) Sebarang keabnormalan perubatan atau fizikal yang wujud pada masa kelahiran, serta keabnormalan fizikal neonatal yang wujud dalam tempoh enam (6) bulan dari masa kelahiran. Ini termasuklah segala jenis hernia dan epilepsi kecuali apabila disebabkan oleh sesuatu trauma yang berlaku selepas tarikh Orang Dilindungi dilindungi secara berterusan di bawah Sijil ini dan sebarang keadaan kongenital atau keadaan keturunan yang telah menjadi nyata atau didiagnosis sebelum Orang Dilindungi mencapai umur tujuh belas (17) tahun; atau
- (d) Sebarang Hilang Upaya yang diakibatkan oleh memusnahkan diri atau kecederaan diri yang disengajakan, pendedahan kepada bahaya secara sengaja atau sebarang cubaan memusnahkan diri dalam keadaan siuman atau tidak siuman; atau
- (e) Peperangan, sama ada diisytiharkan ataupun tidak, mogok, rusuhan, perang saudara, revolusi atau sebarang operasi ketenteraan; atau
- (f) Berkhidmat dalam angkatan bersenjata semasa peperangan yang diisytiharkan ataupun tidak diisytiharkan atau semasa di bawah perintah untuk operasi ketenteraan atau pemulihan ketenteraman awam; atau
- (g) Sebarang pelanggaran atau cubaan untuk melanggar undang-undang atau menentang daripada ditahan; atau
- (h) Kehamilan, keguguran atau melahirkan anak; atau
- (i) Penyakit mental atau penyakit saraf, rawatan ketagihan arak, atau penyalahgunaan dadah atau sebarang komplikasi lain yang timbul daripadanya atau sebarang pengambilan dadah secara tidak sengaja yang tidak dipreskripsikan oleh doktor yang merawat; atau
- (j) Pembedahan elektif/plastik/kosmetik, khatan (kecuali khatan akibat jangkitan), pemeriksaan mata/pembedahan elektif untuk kecacatan penglihatan akibat keterlihatan, penglihatan jauh atau astigmatisme atau radang keratomi; semua cermin mata pembedahan, kanta lekak dan kanta intraocular (kecuali kanta intraocular monofocal dalam pembedahan katarak) atau penggunaan atau perolehan peralatan atau alat prostetik luaran seperti anggota tiruan, alat pendengaran, dan preskripsinya;

- (k) Sebarang rawatan atau Pembedahan pergigian melainkan jika diperlukan kerana kecederaan tetapi tidak termasuk penggantian gigi asal, penggantian gigi palsu dan perkhidmatan prostetik seperti titian gigi ("bridges") dan korona ("crowns") atau penggantiannya; atau
- (l) Hospitalisasi terutamanya untuk tujuan penyiasatan, diagnosis, pemeriksaan sinar-X, pemeriksaan fizikal atau perubatan am, tidak berkaitan dengan rawatan atau diagnosis untuk hilang upaya yang dilindungi atau sebarang rawatan yang tidak perlu dari segi perubatan dan apa-apa rawatan pencegahan, ubat atau pemeriksaan pencegahan yang dijalankan oleh pakar perubatan, vitamin/makanan tambahan dan rawatan khusus untuk mengurangkan atau menaikkan berat badan; atau
- (m) Sebarang rawatan atau siasatan yang tidak perlu dari segi perubatan, atau penyembuhan, penjagaan atau rehat pulih; atau
- (n) Sebarang keadaan perubatan atau fizikal yang timbul dalam tempoh 30 hari pertama dari Tarikh Penyertaan atau Tarikh Mula Sijil ini, yang mana kemudian, kecuali untuk kecederaan dilindungi; atau
- (o) Radiasi pengionan atau pencemaran radioaktif daripada apa-apa bahan api nuklear atau sisa nuklear daripada proses pembelahan nuklear atau daripada apa-apa bahan senjata nuclear; atau
- (p) Perbelanjaan yang ditanggung untuk mendermakan mana-mana bahagian badan atau organ oleh Orang Dilindungi dan pemerolehan organ termasuk semua kos yang ditanggung oleh penderma semasa pemindahan organ dan komplikasinya. Kami hanya akan membayar balik Caj Munasabah dan Biasa yang dikenakan ke atas Pembedahan Pemindahan Organ Utama/Sumsum Tulang untuk Orang Dilindungi sebagai penerima, terhad kepada sekali seumur hidup; atau
- (q) Rawatan yang diterima oleh Orang Dilindungi di luar negara kecuali Singapura dan Brunei, jika Orang Dilindungi tinggal atau mengembara di luar Malaysia selama lebih daripada 90 hari berturut-turut. Faedah bagi rawatan itu adalah terhad kepada Caj Munasabah dan Biasa dan caj yang Perlu Dari Segi Perubatan untuk rawatan dalam negara yang setaraf dengannya di Malaysia dan tidak termasuk kos pengangkutan ke tempat rawatan.

Nota: Senarai ini tidak lengkap. Sila rujuk kepada Sijil Takaful untuk senarai pengecualian yang sepenuhnya.

8. Bolehkah saya membatalkan Sijil Takaful saya?

Anda boleh membatalkan/menyerahkan Sijil Takaful Anda dengan memberi notis bertulis kepada AIA PUBLIC. Walau bagaimanapun, menyertai Sijil Takaful Keluarga adalah komitmen kewangan jangka panjang.

9. Apakah yang perlu saya lakukan jika butir-butir peribadi saya bertukar?

Adalah penting Anda memaklumkan AIA PUBLIC mengenai sebarang pertukaran kepada butir-butir peribadi Anda bagi memastikan AIA PUBLIC dapat menyampaikan maklumat penting kepada anda.

10. Di manakah saya boleh mendapatkan maklumat lanjut?

Sekiranya Anda memerlukan maklumat tambahan mengenai Takaful Keluarga, sila rujuk kepada buku panduan info insurans bertajuk "Pelan Takaful Perubatan dan Kesihatan", yang boleh diperolehi dari mana-mana Pusat Pelanggan AIA atau Anda boleh mendapatkan salinan buku kecil tersebut dari laman sesawang www.insuranceinfo.com.my.

Jika Anda mempunyai sebarang pertanyaan, sila hubungi:

AIA PUBLIC Takaful Bhd. (935955-M)
Menara AIA, 99 Jalan Ampang
50450 Kuala Lumpur
Customer Contact: 1 300 88 8922
Tel: 03 - 2037 1333
Fax: 03 - 2056 3690
Email: my.customer@aiapublic.com.my
Website: AIA.COM.MY

AIA PUBLIC adalah berdaftar di bawah Akta Perkhidmatan Kewangan Islam 2013 dan dikawal selia oleh Bank Negara Malaysia.

11. Produk-produk sedia ada lain yang seumpama

Sila hubungi AIA PUBLIC Takaful Bhd. untuk produk-produk lain seumpamanya yang kami tawarkan.

NOTA PENTING:

ANDA HENDAKLAH MEMASTIKAN BAHAWA SIJIL TAKAFUL PERUBATAN DAN KESIHATAN YANG DIPILIH ADALAH TERBAIK UNTUK MEMENUHI KEPERLUAN ANDA. ANDA HENDAKLAH MEMBACA DAN MEMAHAMI SIJIL TAKAFUL PERUBATAN DAN KESIHATAN DAN HUBUNGI AIA PUBLIC TAKAFUL BHD. UNTUK MAKLUMAT LANJUT.

HELAIAN PENDEDAHAN PRODUK INI MENGANDUNGI RINGKASAN PRODUK DAN BUKANLAH SIJIL TAKAFUL. SIJIL TAKAFUL AKAN SENTIASA MENGATASI DOKUMEN INI.

Maklumat yang diberikan dalam helaian pendedahan ini adalah sah setakat <MM/DD/YYYY>

SAMPLE

Lampiran - Jadual Caruman bagi AIA i-Med Basic

Lelaki – Kelas Pekerjaan 1 & 2 (RM)				
Umur	Bulanan	Suku Tahunan	Separuh Tahunan	Tahunan
16 - 20	65.77	194.67	389.34	756.00
21 - 25	72.04	213.21	426.42	828.00
26 - 30	80.39	237.93	475.86	924.00
31 - 35	87.70	259.56	519.12	1,008.00
36 - 40	90.83	268.83	537.66	1,044.00
41 - 45	93.96	278.10	556.20	1,080.00
46 - 50	104.40	309.00	618.00	1,200.00
51 - 53	126.32	373.89	747.78	1,452.00
54 – 56*	156.60	463.50	927.00	1,800.00
57 - 59*	202.54	599.46	1,198.92	2,328.00
60 - 62*	269.35	797.22	1,594.44	3,096.00
63 - 65*	363.31	1,075.32	2,150.64	4,176.00
66 – 68*	488.59	1,446.12	2,892.24	5,616.00
69 – 70*	621.18	1,838.55	3,677.10	7,140.00

Lelaki – Kelas Pekerjaan 3 (RM)				
Umur	Bulanan	Suku Tahunan	Separuh Tahunan	Tahunan
16 - 20	85.50	253.07	506.14	982.80
21 - 25	93.65	277.17	554.35	1,076.40
26 - 30	104.50	309.31	618.62	1,201.20
31 - 35	114.00	337.43	674.86	1,310.40
36 - 40	118.08	349.48	698.96	1,357.20
41 - 45	122.15	361.53	723.06	1,404.00
46 - 50	135.72	401.70	803.40	1,560.00
51 - 53	164.22	486.06	972.11	1,887.60
54 – 56*	203.58	602.55	1,205.10	2,340.00
57 - 59*	263.30	779.30	1,558.60	3,026.40
60 - 62*	350.16	1,036.39	2,072.77	4,024.80
63 - 65*	472.31	1,397.92	2,795.83	5,428.80
66 – 68*	635.17	1,879.96	3,759.91	7,300.80
69 – 70*	807.53	2,390.12	4,780.23	9,282.00

Lelaki – Kelas Pekerjaan 4 (RM)				
Umur	Bulanan	Suku Tahunan	Separuh Tahunan	Tahunan
16 - 20	95.37	282.27	564.54	1,096.20
21 - 25	104.45	309.15	618.31	1,200.60
26 - 30	116.56	345.00	690.00	1,339.80
31 - 35	127.16	376.36	752.72	1,461.60
36 - 40	131.70	389.80	779.61	1,513.80
41 - 45	136.24	403.25	806.49	1,566.00
46 - 50	151.38	448.05	896.10	1,740.00
51 - 53	183.17	542.14	1,084.28	2,105.40
54 – 56*	227.07	672.08	1,344.15	2,610.00
57 - 59*	293.68	869.22	1,738.43	3,375.60
60 - 62*	390.56	1,155.97	2,311.94	4,489.20
63 - 65*	526.80	1,559.21	3,118.43	6,055.20
66 – 68*	708.46	2,096.87	4,193.75	8,143.20
69 – 70*	900.71	2,665.90	5,331.80	10,353.00

*Caruman bagi umur 56-70 hanya terpakai untuk pembaharuan sahaja.

Lampiran - Jadual Caruman bagi AIA i-Med Basic

Perempuan – Kelas Pekerjaan 1 & 2 (RM)				
Umur	Bulanan	Suku Tahunan	Separuh Tahunan	Tahunan
16 - 20	55.33	163.77	327.54	636.00
21 - 25	59.51	176.13	352.26	684.00
26 - 30	66.82	197.76	395.52	768.00
31 - 35	73.08	216.30	432.60	840.00
36 - 40	77.26	228.66	457.32	888.00
41 - 45	86.65	256.47	512.94	996.00
46 - 50	100.22	296.64	593.28	1,152.00
51 - 53	125.28	370.80	741.60	1,440.00
54 - 56*	158.69	469.68	939.36	1,824.00
57 - 59*	205.67	608.73	1,217.46	2,364.00
60 - 62*	272.48	806.49	1,612.98	3,132.00
63 - 65*	362.27	1,072.23	2,144.46	4,164.00
66 - 68*	481.28	1,424.49	2,848.98	5,532.00
69 - 70*	606.56	1,795.29	3,590.58	6,972.00

Perempuan – Kelas Pekerjaan 3 (RM)				
Umur	Bulanan	Suku Tahunan	Separuh Tahunan	Tahunan
16 - 20	71.93	212.90	425.80	826.80
21 - 25	77.36	228.97	457.94	889.20
26 - 30	86.86	257.09	514.18	998.40
31 - 35	95.00	281.19	562.38	1,092.00
36 - 40	100.43	297.26	594.52	1,154.40
41 - 45	112.65	333.41	666.82	1,294.80
46 - 50	130.29	385.63	771.26	1,497.60
51 - 53	162.86	482.04	964.08	1,872.00
54 - 56*	206.29	610.58	1,221.17	2,371.20
57 - 59*	267.37	791.35	1,582.70	3,073.20
60 - 62*	354.23	1,048.44	2,096.87	4,071.60
63 - 65*	470.95	1,393.90	2,787.80	5,413.20
66 - 68*	625.67	1,851.84	3,703.67	7,191.60
69 - 70*	788.53	2,333.88	4,667.75	9,063.60

Perempuan – Kelas Pekerjaan 4 (RM)				
Umur	Bulanan	Suku Tahunan	Separuh Tahunan	Tahunan
16 - 20	80.23	237.47	474.93	922.20
21 - 25	86.29	255.39	510.78	991.80
26 - 30	96.88	286.75	573.50	1,113.60
31 - 35	105.97	313.64	627.27	1,218.00
36 - 40	112.02	331.56	663.11	1,287.60
41 - 45	125.65	371.88	743.76	1,444.20
46 - 50	145.32	430.13	860.26	1,670.40
51 - 53	181.66	537.66	1,075.32	2,088.00
54 - 56*	230.10	681.04	1,362.07	2,644.80
57 - 59*	298.22	882.66	1,765.32	3,427.80
60 - 62*	395.10	1,169.41	2,338.82	4,541.40
63 - 65*	525.29	1,554.73	3,109.47	6,037.80
66 - 68*	697.86	2,065.51	4,131.02	8,021.40
69 - 70*	879.52	2,603.17	5,206.34	10,109.40

*Caruman bagi umur 56-70 hanya terpakai untuk pembaharuan sahaja.